



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1994

BAYARAN BANTUAN GAJI PEMBANTU RUMAH
DAN BAYARAN BANTUAN GAJI PEMANDU

TUJUAN

1. 1. Surat Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan mengenai Bayaran Bantuan Orang Gaji dan Bayaran Bantuan Gaji Drebar yang diperuntukkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980](#) supaya selaras dengan peruntukan Sistem Saraan Baru.

LATAR BELAKANG

2.1. Di bawah Sistem Saraan Baru (SSB), peruntukan berkenaan telah dikaji semula dan Kerajaan telah bersetuju untuk mengekalkannya dengan sedikit pindaan. Pindaan yang dibuat telah diperuntukkan dalam [Pekeliling](#)

[Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#) sebagai Bayaran Bantuan Orang Gaji dan Bayaran Bantuan Gaji Drebar. Mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980](#) bantuan yang diberi adalah bersamaan tanggagaji JKK, iaitu tanggagaji D-28 untuk Bayaran Bantuan Orang Gaji dan tanggagaji D43-1 untuk Bayaran Bantuan Gaji Drebar. Dengan pelaksanaan SSB, maka tanggagaji-tanggagaji berkenaan perlu diselaraskan.

PERUBAHAN NAMA DAN KELAYAKAN

3.1. Kemudahan-kemudahan tersebut sekarang diubah kepada nama baru, iaitu Bayaran Bantuan Gaji Pembantu Rumah bagi Bayaran Bantuan Orang Gaji dan Bayaran Bantuan Gaji Pemandu bagi Bayaran Bantuan Gaji Drebar. Berikutan dengan pelaksanaan SSB, syarat-syarat kelayakan Bayaran Bantuan Gaji Pembantu Rumah dan Bayaran Bantuan Gaji Pemandu adalah ditetapkan seperti berikut:

3.1.1. Bayaran Bantuan Gaji Pembantu Rumah

Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama 'A' dan Gred Khas 'A' dan ke atas adalah layak menuntut Bayaran Bantuan Gaji Pembantu Rumah bagi tiap-tiap pekerja rumah yang digajinya tertakluk kepada bilangan seperti berikut:

Gred	Kelayakan
Ketua Setiausaha Negara	2 orang pembantu rumah
Utama Turus I	2 orang pembantu rumah
Utama Turus II	2 orang pembantu rumah
Utama Turus III	2 orang pembantu rumah
Gred Utama 'A' dan Gred Khas 'A'	1 orang pembantu rumah

3.1.2. **Bayaran Bantuan Gaji Pemandu**

Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama 'B' dan Gred Khas 'A' dan ke atas yang dibekalkan kereta rasmi adalah layak dibekal seorang pemandu Jabatan. Sekiranya tidak dibekalkan pemandu Jabatan, pegawai berkenaan boleh menggaji seorang pemandu sendiri dan layak menuntut Bayaran Bantuan Gaji Pemandu.

PERATURAN BAYARAN

4.1. Bayaran Bantuan Gaji Pembantu Rumah

4.1.1. Pegawai yang berkelayakan mendapat kemudahan ini layak menuntut bagi setiap Pembantu Rumah bayaran bantuan gaji atas kadar bersamaan tanggagaji Gred N13 berserta Imbuhan Tetap Khidmat Awam atas kadar yang berkelayakan bagi gred berkenaan. Tuntutan bayaran caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan bayaran *ex-gratia* masih dikekalkan seperti syarat-syarat di perenggan 13(a) dan (b)

[Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980](#), iaitu:

- (a) caruman majikan terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi Pembantu Rumah yang digajinya itu di atas kadar yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa; dan
- (b) bayaran *ex-gratia* bagi pekerja-pekerja yang digajinya apabila perkhidmatan mereka ditamatkan bukan di atas sebab-sebab tatatertib, di atas kadar 17 1/2% daripada bayaran bantuan gaji bulanan yang terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan yang memuaskan ditolak jumlah sebanyak beberapa peratus yang sepatutnya pada masa itu menjadi sumbangan majikan bagi sesuatu pencaruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

4.2. Bayaran Bantuan Gaji Pemandu

4.2.1. Pegawai yang berkecualan mendapat kemudahan ini layak menuntut bagi Pemandu bayaran bantuan gaji atas kadar bersamaan tanggagaji Gred R10 berserta Imbuhan Tetap Khidmat Awam atas kadar yang berkecualan bagi gred berkenaan. Tuntutan bayaran caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, bayaran lebih masa, bayaran pakaian seragam dan bayaran *ex-gratia* masih dikekalkan seperti syarat-syarat di perenggan 14(a), (b), (c) dan (d) [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980](#), iaitu:

- (a) caruman majikan terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi Pemandu yang digajinya itu di atas kadar yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;
- (b) bayaran lebih masa mengikut kadar dan peraturan yang ditetapkan dalam Perkhidmatan Awam bagi Pemandu yang bekerja lebih masa serta Elaun Hidup bagi Pemandu itu menurut kadar dan peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dari semasa ke semasa;
- (c) bayaran bagi membuat pakaian seragam untuk Pemandu di atas kadar dan peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia bagi 3 pasang baju dan seluar dan 2 pasang kasut setahun; dan

- (d) bayaran *ex-gratia* bagi Pemandu yang khidmatnya ditamatkan bukan di atas sebab-sebab tatatertib di atas kadar 17 1/2% daripada gaji bulanan terakhir Pemandu itu bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan yang memuaskan dengan ditolak jumlah sebanyak beberapa peratus yang sepatutnya pada masa itu menjadi sumbangan majikan bagi sesuatu pencaruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

4.3. **Kaedah Pelarasan**

4.3.1. Syarat-syarat kelayakan dan kadar Bayaran Bantuan Gaji Pembantu Rumah dan Bayaran Bantuan Gaji Pemandu di perenggan 3.1 4.1 dan 4.2 di atas adalah bagi menjelaskan peruntukan berkenaan yang ditetapkan untuk dilaksanakan di bawah SSB. Pelarasan bantuan gaji bagi Pembantu Rumah dan Pemandu yang sedang berkhidmat dengan pegawai-pegawai yang berkelayakan hendaklah mengikut sifir pemindahan gaji yang ditetapkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#).

4.4. **Pergerakan Gaji**

4.4.1. Pegawai-pegawai yang layak mendapat Bayaran Bantuan Gaji Pembantu Rumah dan Bayaran Bantuan Gaji Pemandu adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kanan. Oleh itu pergerakan gaji untuk Pembantu Rumah dan Pemandu ini terletak di atas penilaian prestasi

oleh pegawai berkenaan. Pembantu Rumah dan Pemandu berkenaan adalah layak diberi pergerakan gaji mengikut empat cara, iaitu statik, mendatar, menegak, melintang berasaskan prestasi kerjanya. Pegawai berkenaan yang menggaji Pembantu Rumah dan Pemandu adalah bertanggungjawab menyediakan laporan prestasi dengan menggunakan borang penilaian prestasi SSB untuk menentukan pergerakan gaji Pembantu Rumah dan Pemandunya. Laporan tersebut hendaklah diberikan kepada Jabatan masing-masing berserta dengan keputusan pergerakan gaji yang patut diterima oleh Pembantu Rumah dan Pemandu tersebut.

4.5. Pergerakan Gaji Pemandu Jabatan

4.5.1. Pegawai berkenaan yang menggunakan pemandu Jabatan hendaklah menyempurnakan laporan nilai prestasi pemandu tersebut dan menyerahkan kepada Jabatan untuk diambil tindakan sama seperti anggota lain dalam Jabatan berkenaan bagi maksud pergerakan gaji.


TARIKH KUATKUASA

5.1. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1.1.1992.

PEMAKAIAN

6.1. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HAJI ABD HALIM BIN ABDUL SALAM)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

14 Januari 1994.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan